

**Belia Hargai Inisiatif Kerajaan Iktiraf Peranan Dan Sumbangan Mereka
Bernama
9 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Pelbagai inisiatif yang diperkenalkan bagi membantu belia, membuktikan kerajaan mengiktiraf golongan itu sebagai komponen penting dalam masyarakat Malaysia, kata beberapa anak muda.

Selain itu, ia juga menunjukkan keperluan golongan belia diambil berat terutama dalam usaha membentuk mereka menjadi pemimpin negara di masa depan, tambah mereka.

Antara inisiatif yang diperkenal ialah program 1Malaysia Youth For You (1M4U), Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), rebat telefon pintar, Skim Rumah Pertamaku, Baucar Buku 1Malaysia dan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia.

Jurutera penyelidik Universiti Teknologi Petronas Mohamad Nazmi Zaidi Moni, 28, berkata pengenalan pelbagai inisiatif termasuk bantuan yang ditingkatkan merupakan bukti komitmen kerajaan yang berterusan kepada belia.

"Kerajaan telah mula mengiktiraf belia dengan memberi banyak bantuan perniagaan, pendidikan dan pelbagai lagi. Apa yang diperoleh belia sekarang berbeza dengan masa sudah. Untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, belialah yang akan banyak mainkan peranan. Sebab itu kerajaan mulakannya dari sekarang," katanya ketika dihubungi Bernama.

Bagi membantu meringankan bebas kos hidup golongan belia, kerajaan memperluaskan BR1M 2.0 tahun ini dengan memberi bantuan sekali bayar sebanyak RM250 kepada individu bujang berumur 21 ke atas yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan.

Rebat RM200 pula ditawarkan bagi pembelian satu unit telefon pintar 3G supaya belia mempunyai lebih akses kepada maklumat. Bagi tujuan itu, sebanyak RM300 juta diperuntukkan dan dianggarkan memberi manfaat kepada kira-kira 1.5 juta belia.

Program 1M4U yang diperkenalkan Julai lepas turut disertai pelbagai insentif berkaitan dalam usaha mempromosi aktiviti sukarelawan dalam kalangan belia.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Teknologi Mara, Azhier Farhan Arisin, 23, berkata belia terutama di institusi pengajian tinggi (IPT) amat gembira dengan pemberian baucar buku dan rebat telefon pintar.

"Dalam banyak-banyak pemberian kerajaan, bagi saya, saya terhutang budi dengan kerajaan terhadap baucar buku yang diberikan. Ternyata kos pembelian buku akademik saya berkurangan dengan bantuan itu," katanya.

Sebanyak RM325 juta diperuntuk kerajaan Barisan Nasional tahun ini bagi melaksanakan inisiatif pemberian baucar buku 1Malaysia berjumlah RM250 itu, yang memberi manfaat kepada 1.3 juta penuntut di IPT.

"Saya yakin mana-mana belia yang bijak berfikir, penerima manfaat berterusan daripada kerajaan ini, akan menyokong bagi kesinambungan pentadbiran ini. Saya lihat tiada sebab kenapa semua program dan bantuan kewangan ini yang dilaksanakan dengan teliti dan membantu kami, harus dihentikan," kata Azhier Farhan.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Penerbitan Universiti Teknologi Mara, Nurul Shahida Harun, 24, memberitahu Bernama, pemberian baucar buku itu amat bermanfaat kerana mampu meringankan beban membeli buku ilmiah yang agak mahal harganya.

"Selain patut diteruskan, saya harap nilai baucar ini dapat ditingkatkan lagi supaya pelajar boleh membeli lebih banyak buku yang diperlukan untuk pengajian," katanya.

Inisiatif lain ialah Skim Rumah Pertamaku bertujuan memberi peluang kepada rakyat Malaysia terutama generasi muda untuk memiliki rumah, dan pindaan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang membenarkan mahasiswa bergerak aktif dalam politik.

Kerajaan turut mengedarkan 1.2 juta Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KDR1M) kepada pelajar IPT di seluruh negara untuk mendapatkan potongan harga sehingga 60 peratus di lebih 2,000 rangkaian kedai termasuk kedai buku, kedai serbaneka dan kedai makanan segera.

Seorang penjawat awam, Nurulhuda Che Das, 32, berkata Skim Rumah Pertamaku dapat mengurangkan beban untuk belia memiliki kediaman sendiri ekoran nilai hartanah yang agak tinggi pada masa ini.

"Ia sangat membantu lebih-lebih lagi bagi pasangan yang baru berkahwin dan perlu menguruskan kewangan dengan sebaik mungkin," katanya yang baru saja menerima kunci rumah baharunya Februari lepas.

Sementara itu, Mohd Nazmi berkata pindaan AUKU membolehkan kematangan politik ditanam dalam diri belia dan memungkinkan ahli politik masa depan diwarnai calon-calon dari pelbagai latar belakang akademik.

"Pemerintahan negara akan menjadi lebih dinamik dengan adanya golongan belia. Kemahiran berfikir, berbahas, pemikiran dan pendekatan secara kritikal akan digunapakai, menjadikan peribadi pelajar lebih bagus dan tidak bergantung kepada kelulusan akademik semata-mata," tegasnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940744>